



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM PROSES
PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
PELAJAR-PELAJAR DUSUN**

NOOR AINAH BT DANI

FPP 1993 3

**PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM PROSES
PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
PELAJAR-PELAJAR DUSUN**

Oleh

NOOR AINAH BT DANI

**Tesis yang dikemukakan untuk Memenuhi
Sebahagian daripada Syarat bagi Mendapatkan Ijazah
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia**

Mei 1993



Buat keluargaku



PENGHARGAAN

Penyelidik memanjatkan syukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah hidayat-Nya maka penyelidik dapat menyiapkan tesis ini.

Ucapan penghargaan yang ulung penyelidik tujukan kepada Yayasan Negeri Sabah yang telah menaja biasiswa penyelidik semasa mengikuti program Master Sains (PBMP) di Universiti Pertanian Malaysia.

Penyelidik turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood Timbalan Dekan (HEP) di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM (selaku Pengerusi) dan Profesor Madya Dr. Haji Amat Juhari Moain, Pengarah Pusat Islam UPM dan Tuan Haji Arbak Othman (selaku ahli jawatankuasa) kerana tunjuk ajar, teguran dan bimbingan mereka terhadap kerja menyiapkan tesis ini dari awal hingga akhir.

Selanjutnya, ucapan terima kasih penyelidik tujukan kepada semua pihak yang telah membantu prosedur penyelidikan ini, terutama:

Encik Kanik Md. Noor selaku pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan Kundasang, Ranau, Sabah yang telah membenarkan penyelidik menjalankan kajian di sekolah tersebut.

Guru-guru sesi pagi dan semua pelajar tingkatan empat bagi tahun 1992 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kundasang, Ranau, Sabah kerana memberi kerjasama yang sangat tinggi nilainya.

Jurutaip tesis ini iaitu Puan Saripah Selamat dan suami beliau, juga nama-nama mereka yang tidak dapat penyelidik nyatakan di sini satu per satu.

Wassalam.

"BERILMU BERBAKTI"



JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB	
I	
PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	2
Pendidikan Bahasa Melayu di Sabah	2
Masyarakat Dusun	5
Penggunaan Bahasa Melayu di Kalangan Masyarakat Dusun Ranau	8
Sistem Fonologi	10
Sistem Morfologi	13
Sistem Sintaksis	22
Pernyataan Masalah	25
Kepentingan Kajian	32
Soalan Kajian	34
Objektif Kajian	35
Batasan Kajian	35
Definisi Operasional	36
Pengaruh Bahasa Ibunda	36
Proses Pembelajaran Bahasa Melayu	37
Pelajar-pelajar Dusun	37
II	
SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN	38
Kajian-kajian di Luar Negara	38
Pengaruh Bahasa Ibunda ke Atas Pembelajaran .. Bahasa Kedua	38
Sikap	47
Pendedahan Bahasa	53
Strategi dan Teknik Pembelajaran Bahasa	55



	Kajian-kajian di Dalam Negara	58
	Pengaruh Bahasa Ibunda ke Atas Pembelajaran Bahasa Kedua	58
	Sikap	65
	Pendedahan Bahasa	67
	Strategi dan Teknik Pembelajaran Bahasa	68
	Rumusan Sorotan Kajian	69
III	METODOLOGI	75
	Rekabentuk Kajian	75
	Kerangka Teori	75
	Kerangka Konsepsi	79
	Tempat Kajian	82
	Populasi dan Persampelan	84
	Subjek Kajian	84
	Kaedah Kajian	84
	Pendekatan Kajian	85
	Pembolehubah Peramal (PV)	85
	Pembolehubah Bebas (IV)	85
	Pembolehubah Bersandar (DV)	85
	Alat Kajian	86
	Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu I	86
	Soal Selidik	86
	Penyelidik	90
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	90
	Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu I	90
	Soal Selidik	90
	Tatacara Kajian	91
	Kajian Rintis	91
	Ujian Penulisan Karangan	92
	Pemerhatian Turut Serta	92
	Pentadbiran Soal Selidik	92
	Penganalisan Data	93
	Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Ujian Karangan	93
	Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Pertuturan	95
	Perbezaan Penguasaan Bahasa Sehari-hari	95
	Perbezaan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Ibunda	96
	Perbezaan Pendedahan Bahasa Melayu	96
	Perbezaan Motivasi	96
	Perbezaan Keamatan Pengaruh Bahasa Ibunda bagi Dua Kumpulan Pelajar	97
	Strategi dan Teknik Pembelajaran Bahasa Melayu Dua Kumpulan Pelajar	97

IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	99
	Persembahan Dapatan	99
	Objektif 1 Soalan 1	99
	Objektif 2 Soalan 2	105
	Objektif 3 Soalan 3	106
	Objektif 4 Soalan 4	110
	Objektif 5 Soalan 5	115
	Perbincangan Dapatan	115
	Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Penulisan	115
	Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Pertuturan	139
	Unsur-unsur Ekstralinguistik Bahasa Ibunda	151
	Strategi dan Teknik Pembelajaran Bahasa Melayu	156
	Rasional Teori Pembelajaran	158
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	164
	Rumusan	164
	Rumusan Umum	164
	Hasil-hasil Perkiraan	167
	Ulasan Hasil Perkiraan	169
	Cadangan	170
	Cadangan Memperbaiki Kelemahan	170
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	174
	BIBLIOGRAFI	175
	LAMPIRAN	
	A Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu I	183
	B Soal Selidik	185
	C Sistem Menanda Karangan	196
	D Data Pengaruh Bahasa Dusun dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu	197
	D1 Pengaruh Bahasa Dusun dalam Karangan Pelajar	198
	D2 Binaan Ayat Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun dalam Karangan	201
	D3 Percampuran Kod Bahasa Melayu-Dusun dalam Aspek Pertuturan Pelajar-Pelajar Dusun	205
	D4 Penggunaan Bahasa Sehari-hari Pelajar-Pelajar Dusun	209
	D5 Sikap Pelajar-Pelajar Dusun Terhadap Bahasa Melayu/Dusun	211
	D6 Pendedahan Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun	213
	LATAR DIRI	216

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Karangan Pelajar-pelajar Dusun	100
2	Kumpulan Kerap	101
3	Kumpulan Jarang	101
4	Penggunaan Bahasa Ibunda sebagai Bahasa Sehari-hari	107
5	Sikap Pelajar-pelajar Dusun terhadap Bahasa Ibundanya	108
6	Tahap Pendedahan Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun	109
7	Frekuensi Penggunaan Strategi dan Teknik Pembelajaran Lisan Bahasa Melayu Kumpulan Kerap	113
8	Frekuensi Penggunaan Strategi dan Teknik Pembelajaran Lisan Bahasa Melayu Kumpulan Jarang	114
9	Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Aspek Leksikal Kumpulan Kerap dan Kumpulan Jarang	126



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Bahasa-bahasa di Sabah	6
2	Kedudukan Vokal Bahasa Dusun Ranau	11
3	Tatabahasa Penutur Dwibahasa	41
4	Campur Kod dalam Tatabahasa Penutur Dwibahasa	44
5	Kerangka Teoritikal Kajian Berdasarkan Teori Behaviorisme Bertujuan	78
6	Kerangka Konsepsi Kajian Berdasarkan Teori Behaviorisme Bertujuan	79
7	Peta Negeri Sabah yang Menunjukkan Lokasi Kajian	83
8	Model Kajian Kes	98
9	Plot Model Regresi Kumpulan Kerap	102
10	Plot Model Regresi Kumpulan Jarang	104
11	Taburan Lengkung Normal Perbandingan Keamatan Pengaruh Bahasa Ibunda Dua Kumpulan Pelajar	111

SENARAI SINGKATAN/LAMBANG

%	-	Peratus
n	-	Bilangan kes
\bar{X}	-	Min
σ	-	Sisihan Piawai
d.k	-	Darjah Kebebasan
$p < .05$	-	Paras Signifikan .05
X^2	-	Nilai Statistik Khi Kuasa Dua
S^2	-	Varian
α	-	Alpha
N	-	Jumlah Besar
Tdk	-	Tidak
B'sedia	-	Bersedia
\nearrow	-	?

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM PROSES
PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
PELAJAR-PELAJAR DUSUN**

Oleh

NOOR AINAH BT DANI

MEI 1993

Pengerusi: Profesor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Fakulti: Fakulti Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan memperinci pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu pelajar-pelajar suku kaum Dusun di Sabah. Kajian ditadbir ke atas sejumlah 109 pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Kundasang, dalam daerah Ranau, Sabah. Kajian ini menggunakan karangan para pelajar yang ditulis dalam situasi pembelajaran formal, pertuturan bahasa Melayu di dalam kelas dan jawapan-jawapan kepada soal selidik yang diberi di penghujung sesi kajian.

Dapatan tentang analisis kandungan ke atas karangan pelajar yang dihasilkan dalam proses pembelajaran secara formal menunjukkan bahawa proses penggantian fonem vokal bahasa Melayu dalam aspek leksikal paling banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dalam aspek ayat, pengaruh tersebut diwakili oleh binaan ayat yang mengalami proses pendepanan kata kerja atau kata hubung. Pengaruh seperti pemindahan bahasa ibunda paling ketara dalam aspek makna kata bahasa Melayu



Selanjutnya, pemerhatian ke atas aspek pertuturan bahasa Melayu para pelajar membuktikan bahawa bunyi hentian glotis /ʔ/ bahasa Dusun paling kerap terdapat pada kata dasar dan kata berimbuhan. Di samping itu fenomenon percampuran kod bahasa Melayu-Dusun terutama yang terdiri daripada jenis Ayat Tanya turut dikesan.

Dalam proses pembelajaran secara tidak formal tinjauan telah dilakukan berdasarkan soal selidik.

Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa unsur ekstralinguistik bahasa ibunda yang paling dominan ialah pendedahan bahasa. Dengan kata lain, kualiti pendedahan bahasa Melayu pelajar adalah rendah. Selain itu terdapat dua strategi pembelajaran bahasa yang biasa digunakan oleh para pelajar. Pelajar-pelajar yang kerap menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa seharian mengutamakan Strategi Kesiediaan Melakukan Kesalahan Bahasa. Pelajar-pelajar yang jarang menggunakan bahasa Melayu pula lebih mengenali Strategi Latihan Selari.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini merangkum aktiviti pengayaan dan pengukuhan bahasa, konsep pertandingan bahasa antara kumpulan, program pendedahan bahasa, keprihatinan terhadap deskripsi bahasa pertama dan kedua, dan Strategi Mencari Makna Kata berdasarkan konteks klu.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**MOTHER-TONGUE INTERFERENCE IN THE PROCESS
OF LEARNING BAHASA MELAYU AMONG
THE DUSUN ETHNIC STUDENTS**

By

NOOR AINAH BT DANI

MAY 1993

Chairman: Professor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Faculty: Faculty of Educational Studies

This study seeks to find out the effects of mother-tongue (MT) - otherwise referred to as L1 interference in the process of learning Malay - otherwise referred to as L2 among ethnic Dusun students in Sabah. Research was carried out on 109 Form Four students of Sekolah Menengah Kebangsaan Kundasang, in the district of Ranau, Sabah. Research conducted made use of students' written compositions, produced in a formal classroom learning situation, their oral communication in BM and answers to questionnaire given at the end of the study.

Results of the content analysis on the subjects' written compositions produced in a formal class-learning situation indicate that vowel replacement in L2 highly correlates with similar lexical items prevalent in L1. At the syntactic level, L1 interference is apparent in verb fronting and how conjunctions are used in L2. Interference such as language transfer also occurs at the semantic level, where meaning in L1 is imposed on L2.



Analysis of subjects' oral communication reveals frequent use of L1 glottal stops /ʔ/ for many L2 root words and words with affixes. On the other hand, the phenomenon of code-mixing in L1 and L2 is detected especially in the construction of interrogatives.

In an informal learning situation where observations are made by means of questionnaires, it is noted that the most dominant element of MT extralinguistics interference is language exposure. In other words, the subjects level of exposure to Malay is deemed low. It is also observed that the subjects employ two strategies in learning Malay. Those who use Malay frequently in their daily interactions resort to the strategy where they are more willing to risk error, whereas those who do not use Malay frequently familiarize themselves with the daily practice strategy.

Suggestions put forward in this study include the use of enrichment and reinforcement activities in L2, inter-group language competitions, language exposure programmes, teachers' sensitivity towards L1 and L2 descriptions and learners' strategy in understanding vocabulary by using contextual-clues.



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar di negara ini masih dipengaruhi bahasa ibunda mereka. Pengaruh tersebut wujud daripada ciri-ciri masyarakat majmuk yang menggunakan pelbagai bahasa ibunda. Ciri-ciri kepelbagaian bahasa tersebut bukan sahaja sudah ada di Semenanjung malah di Sabah dan Sarawak. Di Sabah dan Sarawak terdapat kira-kira lima puluh bahasa bumiputera. Bahasa-bahasa tersebut menganggotai rumpun yang sama yang juga dianggotai oleh bahasa Melayu (Asmah Hj. Omar, 1991: 25). Dalam kajian SIL, di Sabah sahaja terdapat 53 bahasa.

Bahasa-bahasa bumiputera di kalangan para pelajar di negeri Sabah terdiri daripada bahasa Chabacano, Jawa, Butung, Bugis, Iranon, Suluk, Lundayeh, Banggi, Idaan, Tidong, keluarga bahasa Melayu (Cocos, Brunei, Kedayan, Iban); keluarga bahasa Bajau (Bajau Pantai Barat, Balangingi, Sama, Kagayan); keluarga bahasa Murut (Selungai, Kolod, Serudung, Sembakung, Kalabakan, Baukan, Sumambu, Paluan, Timugon, Beaufort, Murut, Keningau Murut, Gana); keluarga bahasa Dusun (Kuijau, Bisaya, Tatana, Kadazan Tambanua, Lotud, Timur Kadazan, Rungus, Papar, Kadazan/Dusun, Kadazan Sungai Klias, Kimaragang, Garo, Tebilung, Dumpas); dan keluarga bahasa Paitanik (Lingkabau, Sungai Abai, Tambanua, Ulu Kinabatangan, Lobu). Demikian deskripsi bahasa-bahasa bumiputera yang telah dihuraikan oleh Kenneth (1984: 49). Antara kesemua bahasa bumiputera tersebut, keluarga bahasa Dusun mencatatkan bilangan penutur yang paling ramai. Banci penduduk tahun 1972 misalnya

menunjukkan bahawa kaum Dusun di negeri Sabah berjumlah kira-kira 240, 835 daripada 751, 945 jumlah keseluruhan penduduknya (Mohd Nor Long, 1982: 2).

Kemerdekaan Sabah melalui Malaysia pada tahun 1963 dengan sendirinya memanjangkan Dasar Pelajaran Kebangsaan ke negeri itu. Melalui dasar tersebut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di negeri Sabah pada tahun 1968 (Ismail Abbas, 1986: 396). Pelajar-pelajar yang telah pun memiliki bahasa ibunda masing-masing terdedah pula kepada satu bahasa yang berbeza daripada beberapa aspek linguistiknya. Sejak itu berlakulah gangguan bahasa ibunda dalam proses penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut.

Latar Belakang Kajian

Pendidikan Bahasa Melayu di Sabah

Pelaksanaan pendidikan bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Sabah bermula sejak tahun 1930-an. Pada masa itu, Kompeni Berpiagam Inggeris (The English Chartered Company) bertapak di Borneo Utara. Sekolah-sekolah vernakular telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Keadaan tersebut berterusan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua (Ismail Abbas, 1986: 392). Selepas Perang Dunia Kedua, Inggeris telah menukar dasar pelajarannya di negeri Sabah. Menurut dasar baru tersebut, sekolah-sekolah yang berpengantar bahasa Melayu dihentikan setakat darjah lima. Pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi diwajibkan memasuki sekolah-sekolah berpengantar bahasa Inggeris (Mohd Salleh Lebar, 1988: 104).

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada tanggal 16 September tahun 1963, dasar pelajaran Inggeris di Sabah telah diubah. Atas dasar

serta cita-cita kerajaan negeri untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam semua mata pelajaran sepanjang tempoh 10 tahun selepas merdeka, Kerajaan Sabah telah menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Oleh sebab beberapa masalah yang belum diselesaikan maka penggunaan bahasa Melayu diperkenalkan peringkat demi peringkat (Majin Haji Ajing, 1980: 170). Akhirnya, pada tahun 1970 semua kelas darjah satu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menggantikan bahasa Inggeris (Mohd Nor Long, 1982: 90). Usaha mendaulatkan bahasa Melayu terus digalakkan. Menjelang tahun 1975, semua sekolah rendah berpengantar bahasa Inggeris ditukar menjadi sekolah rendah berpengantar bahasa Melayu.

Pada tahun 1976, bahasa Melayu telah mula digunakan di kelas-kelas tingkatan satu sebagai bahasa pengantar. Pada tahun 1980 pula pelajar-pelajar tingkatan lima telah mula menduduki peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) menggantikan peperiksaan MCE (Malaysian Certificate of Education). Dua tahun kemudian, pihak Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan peperiksaan STP (Sijil Tinggi Persekolahan) menggantikan peperiksaan HSC (Higher School Certificate). Kementerian Pelajaran turut mengadakan Kelas Peralihan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya. Pelajar-pelajar dari sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil ditempatkan di kelas tersebut selama satu atau dua tahun sebelum mereka memasuki tingkatan satu (George, 1981: 513).

Selanjutnya usaha ke arah menghasilkan kurikulum sekolah yang lebih bersepadu bermula pada tahun 1980. Usaha tersebut selaras dengan beberapa perakuan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979: 67). Laporan tersebut telah menjadi asas kepada pembaharuan kurikulum di peringkat sekolah rendah. Rancangan

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan di semua peringkat di seluruh negara mulai tahun 1983 (Kamarudin Haji Husin, 1989: 1).


Berdasarkan keterangan-keterangan yang terdahulu, ternyata proses pengembangan bahasa Melayu dalam pendidikan di Sabah sudah melalui tempoh 16 tahun (1976-1992). Sekolah-sekolah yang wujud pada zaman penjajah mencerminkan kuasa, keperluan dan kehendak pendidikan penjajah. Walaupun sistem pendidikan yang ditubuhkan pada zaman penjajah secara kebetulan memenuhi sedikit keperluan masyarakat peribumi, sekolah-sekolah didirikan khusus bagi memenuhi kehendak-kehendak penjajah (Ibrahim Saad, 1990: 6). Namun secara tidak langsung bahasa Melayu telah menjadi lambang penyatuan supra-lokal mengatasi perbezaan-perbezaan etnik dan kebudayaan (Le Page, 1964: 45). Malah di sepanjang tempoh 16 tahun itu, bahasa Melayu telah mengalami tiga peringkat pengembangan bahasa, iaitu peringkat pengabjadan, penyeragaman dan pemodenan (Ferguson, 1968: 28). Pengabjadan bermaksud usaha mencipta satu sistem ejaan bagi bahasa-bahasa yang belum mempunyai ejaan. Penyeragaman ialah proses mengadakan norma-norma umum yang mengatasi sifat-sifat dialek, sama ada sifat-sifat kedaerahan ataupun sosial. Pemodenan pula dihubungkan dengan proses mencapai taraf saling menterjemah (inter-translatability) dengan bahasa-bahasa lain dalam sebanyak mungkin jenis penggunaan bahasa sesuai dengan keadaan zaman sekarang (Nik Safiah Karim, 1990: 50).

Tiga peringkat pengembangan bahasa tersebut memberi kesan kepada pendidikan bahasa Melayu di Sabah. Di peringkat pengabjadan misalnya, generasi tua mengenal sistem ejaan Rumi lama manakala generasi muda mengenal sistem ejaan Rumi baharu. Di peringkat penyeragaman, pelajar-pelajar di Sabah kini dapat mengenal norma-norma baku bahasa Melayu. Secara am,

mereka mampu berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Meskipun demikian unsur idiolek pelajar-pelajar berkenaan masih menjadi penghalang untuk mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih (Abdul Hamid Mahmood, 1985: 1). Di peringkat pemodenan, usaha-usaha telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyerapkan beberapa kata bahasa sukuan kaum-kaum di Sabah ke dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu. Sebahagian daripada contoh kata-kata tersebut ialah *anit* (mengupas), *dugal* (gastrik), *kisus* (putar), *kerop* (bulu mata), *puralan* (garis tapak tangan), *sigupan* (paip) dan *tuhunan* (bantal) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 7-49).

Masyarakat Dusun

Menurut David (1984: 71), bahasa Dusun tergolong ke dalam keluarga bahasa Austronesia (lihat Rajah 1). Istilah 'Dusun' telah dicipta oleh orang-orang Brunei yang memerintah sebahagian daripada Sabah sebelum kedatangan orang-orang Barat (Bali, 1966: 17). Mereka menggunakan istilah tersebut sebagai rujukan kepada kelompok-kelompok etnik yang hidup bersuku-suku (Appell, 1968: 13). Appell (1976: 1) selanjutnya mengatakan setiap kelompok etnik itu ditandai dengan perilaku sosio-budayanya yang tersendiri. Oleh itu istilah 'Dusun' tidak berkaitan dengan kata Melayu yang bermaksud 'kebun buah-buahan' (Ahmad Ongohan, 1977: 8). Yap (1978: 60) pula berpendapat penduduk 'Dusun' di Sabah adalah sejenis bangsa Indonesia yang berasal dari Tanah Besar Asia. Beliau mengutarakan alasan bahawa dua kelompok tersebut menggunakan peralatan pertanian ladang yang sama; iaitu peralatan batu dan penugal. Istilah 'Dusun' merangkumi kelompok-kelompok suku Dusun dan Rungus yang tinggal di kawasan Keningau, Tambunan, Ranau, Ulu Tuaran, Kota Belud, Penampang dan Papar. Walau bagaimanapun suku Dusun di kawasan Penampang dan Papar lebih suka digelar 'Kadazan' (Arena Wati, 1978: x).



Sumber: David C. Woody, 1984: 71.

Rajah 1: Bahasa-bahasa di Sabah

Masyarakat Dusun membentuk satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Sabah. Mereka tinggal di Bahagian Pantai Barat Sabah (Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Tamparuli, Tuaran, Kundasang, Ranau, dan Papar); di Bahagian Pedalaman (Kuala Penyu, Tambunan dan Keningau); serta di Bahagian Pantai Timur (Sandakan dan Lahad Datu). Kelompok-kelompok Dusun tersebut terdiri daripada 12 suku seperti yang berikut:

- (i) Dusun Penampang
- (ii) Dusun Putatan
- (iii) Dusun Papar
- (iv) Dusun Ranau
- (v) Dusun Lotud
- (vi) Dusun Kiau
- (vii) Dusun Rungus
- (viii) Dusun Tagas
- (ix) Dusun Tempasuk
- (x) Dusun Tambunan
- (xi) Dusun Tatana
- (xii) Dusun Tungku atau Begahak

Setiap nama kelompok suku Dusun tersebut dikaitkan dengan amalan masyarakat Dusun lama. Masyarakat tersebut menamakan suku mereka mengikut keadaan tempat, nama-nama bagi batu, pokok, sungai, lembah dan pahlawan di tempat mereka menetap (Japiun Madisah, 1986: 3). Kelompok suku Dusun mempunyai dialek yang berlainan antara satu suku dengan yang lain. Namun kelainan tersebut tidak menjadi halangan bagi mereka berkomunikasi. Yakni, masih terdapat unsur-unsur saling menterjemah antara suku (Clayre, 1966: 8).

Penggunaan Bahasa Melayu di Kalangan Masyarakat Dusun Ranau

Daerah Ranau terletak dalam Bahagian Pantai Barat Sabah. Daerah ini mempunyai 109 buah kampung dengan keluasan kira-kira 2,978 kilometer persegi.

Pada tahun 1988, jumlah penduduk daerah Ranau ialah 42,693 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1989: 71). Daerah ini terkenal sebagai kawasan pertanian. Penduduk-penduduknya menjalankan kegiatan tanaman dagangan seperti sayur-sayuran tanah tinggi, halia, koko dan getah. Di samping itu tanaman sara diri seperti padi sawah, padi huma, dan buah-buahan turut diusahakan. Segelintir daripada penduduknya terlibat dalam aktiviti membalak. Ada juga yang bekerja dengan kerajaan, swasta atau bekerja di lombong tembaga.

Komposisi penduduk Dusun di daerah Ranau ialah 80 peratus. Selebihnya ialah penduduk Cina (10%), Sino Dusun (3%) dan lain-lain (7%). Angka tersebut menunjukkan bahawa kelompok suku Dusun adalah golongan majoriti di daerah itu.

Penduduk Dusun Ranau menggunakan dua bahasa sebagai bahasa pertuturan, iaitu Dusun dan Melayu. Bahasa Dusun dituturkan sebagai bahasa pertama manakala bahasa Melayu ialah bahasa kedua. Dengan itu bahasa Dusun lebih kerap digunakan semasa berinteraksi. Walaupun wujud perbezaan kadar penggunaan dua bahasa berkenaan, penduduk Dusun Ranau boleh dianggap sebagai masyarakat dwibahasa.

Menurut Weinrich (1953: 7), terdapat dua golongan penutur dwibahasa. Mereka ialah penutur dwibahasa subordinat dan penutur dwibahasa koordinat. Dwibahasa subordinat merujuk penutur bahasa kedua yang tidak secepat penutur

jati. Istilah dwibahasa koordinat pula merujuk penutur bahasa kedua yang dapat menguasai bahasa itu sama cekap dengan bahasa pertamanya.

Golongan dwibahasa subordinat dalam masyarakat Dusun Ranau diwakili oleh generasi tua. Terjadi demikian kerana mereka mengalami pendedahan bahasa Melayu di usia yang lewat. Tambahan pula interaksi bahasa Melayu mereka terhad kepada situasi-situasi jual beli dan upacara-upacara keramaian, misalnya jual beli di *Tamu* (Pasar Lambak) atau di hari perayaan *Tadau Kaamatan* (Pesta Menuai). Interaksi sedemikian biasanya melibatkan orang kedua atau orang luar yang bertutur bahasa Melayu.

Ciri-ciri dwibahasa koordinat lebih jelas di kalangan generasi muda. Berlaku begitu kerana mereka terdedah kepada sistem pendidikan yang formal. Pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah bertanggungjawab mendedahkan golongan tersebut kepada bahasa Melayu lebih kerap berbanding generasi tua. Walau bagaimanapun, tidak semua generasi muda itu dwibahasa koordinat. Akibat perbezaan latar belakang pendidikan, keluarga, sosial, status sosio-ekonomi dan pendedahan bahasa, maka sebilangan daripada mereka masih dwibahasa subordinat.

Sungguhpun tahap penguasaan bahasa Melayu dua golongan dwibahasa tersebut berbeza, mereka mempunyai sikap yang sama terhadap bahasa Melayu. Mereka mudah menerima kata-kata Melayu. Banyak kata Melayu, umpamanya fenomena alam, agama Islam, peralatan, makanan dan unsur-unsur sosial telah diserap ke dalam perbendaharaan kata bahasa Dusun. Penyerapan kata-kata Melayu itu disesuaikan dengan lidah masyarakat Dusun. Oleh itu bunyi kata Melayu tersebut kerap menyimpang dari bunyi aslinya.

Selain itu, variasi bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Dusun Ranau dipengaruhi dialek kawasan, yakni dialek bahasa Melayu Sabah. Penyebaran dialek kawasan itu dilingkungi sempadan negeri (Asmah Haji Omar, 1992: 106).


Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Melayu telah dapat memperkaya perbendaharaan kata bahasa Dusun. Penyerapan kata-kata Melayu ke dalam kosa kata bahasa Dusun membolehkan bahasa itu terus hidup. Namun pada masa yang sama pertembungan dua bahasa itu memberi kesan negatif. Percampuran kod (code mixing) bahasa Dusun - Melayu menjadi lumrah di kalangan masyarakat Dusun Ranau. Dengan itu pengaruh bahasa Dusun sebagai bahasa ibunda semasa mempelajari bahasa Melayu di sekolah kerap berlaku. Pengaruh tersebut lebih nyata di kalangan pelajar-pelajar dwibahasa subordinat.

Sistem Fonologi

Dalam bahagian ini, hanyalah perbendaharaan vokal, konsonan dan diftong bahasa Dusun Ranau yang diperkatakan. Bahasa Dusun Ranau mempunyai kaitan dengan pel

Bahasa Dusun Ranau mempunyai sistem empat vokal. Vokal-vokalnyalah /a/, /i/, /o/ dan /u/. Vokal belakang agak rendah /ɔ/ adalah alofon kepada vokal /o/. Kedudukan vokal-vokal tersebut digambarkan seperti dalam Rajah 2.

Sistem empat vokal yang terdapat pada bahasa Dusun Ranau merupakan lanjutan perkembangan dari sistem enam-vokal, yakni pengguguran e-pepet. Ini disebabkan fungsi e-pepet dalam bahasa tersebut lebur bersama dengan fungsi vokal lain, misalnya vokal /o/. Hal ini bermaksud, apa yang dibunyikan dengan e-pepet dalam bahasa yang mempunyai sistem enam-vokal mempunyai kesejajaran



Rajah 2: Kedudukan Vokal Bahasa Dusun Ranau

dengan /o/ dalam bahasa yang bersistem empat vokal (Asmah Haji Omar, 1985: 72). Misalnya:

<u>Melayu</u>	<u>Dusun Ranau</u>
ěnam	onom
tělor	tontolu
mě-	mo-

Perbendaharaan konsonan bahasa Dusun Ranau mengenal 17 bunyi seperti yang berikut:

Plosif/Hentian	p, b, t, d, k, g, ?
Nasal	m, n, ng
Frikatif	s, h
Getaran	r
Sisian	l
Separuh Vokal	w, y
Pinjaman	j